

# 1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Encik Nazran bin Muhammad, dari Kampung Paya,

Bemban, Kota Bharu, Kelantan, telah bertanya:

(1) Apa hikmatnya Islam menegah membuat filem

Nabi Muhammad (S.A.W) dan menayangkannya kepada orang ramai?

(2) Sahkah sembahyang Jumaat, kalau sembahyang

itu diimamkan oleh seorang yang pekak?

(3) Benarkah Abū Jahl (kepala penentang Islam

di zaman Nabi (S.A.W) bapa saudara Nabi (S.A.W)?

Jawapannya:

(1) Umumnya membuat filem kemudian menayangkannya

kepada orang ramai itu pada asalnya ialah, mula-mula diambil

gambar orang-orang yang sedang berlakon atau sesuatu

kejadian yang sedang berlaku. Maka amatlah mustahil

bagi manusia dapat mengambil gambar diri Junjungan

kita Nabi Muhammad (S.A.W) padahal baginda itu telah

tidak ada.

Dan kalau ada seseorang berani berlakon mengambil

peranan menjadi tokoh sebagai Nabi Muhammad (S.A.W)

beerti ia telah berbohong dan berdusta. Bilakah dia

melihat wajah dan diri Nabi (S.A.W)? Lalu bagaimana

pula ia akan dapat menggambarkan model atau bentuknya

dengan tepat? Sesungguhnya tidak ada sesiapa pun baik

pada masa yang lalu maupun pada masa sekarang ini

dapat berlakon yang benar-benar menepati pada sifat, bentuk

muka, tubuh, gaya kelakuan dan suara serta

tutur kata Nabi (S.A.W) dengan erti kata menepati sebenar-benarnya.

Kalaupun hendak melakonkan, adalah didasarkan atas

khayalan yang terlintas di dalam otak orang itu sahaja.

Jadi bila peranan pada sifat-sifat yang disebutkan tadi

didasarkan atas khayalan – tidak dapat menepati –

bererti ia telah mengada-adakan sesuatu yang tidak ada,

dan ini bererti telah berdusta terhadap Nabi (S.A.W).

Nabi (S.A.W) telah mengancam sesiapa yang berani

berdusta terhadapnya, akan disediakan tempatnya dalam

api neraka – sebagai yang disabdakannya yang berbunyi:

*“Man kadhdhaba ‘alaiyya muta‘anmidan fahyatabawwa’ maq‘adahu min al-nār”*

Ertinya: “Barang siapa berdusta terhadap aku,

hendaklah dia menyediakan tempat duduknya daripada api neraka”

Para ulama telah sepakat menghukumkan, bahawa

menggambarkan para Rasul dan para Nabi – sama ada

dengan difilemkan, dilukiskan atau diukirkan –

hukumannya adalah haram. Bahkan menggambarkan setengah-setengah

para sahabat Nabi yang kebilangan seperti Saiyidina Abu Bakr,

‘Umar, ‘Uthman dan ‘Ali *radīya Allāhu ‘anhum*, ulama pun

telah sepakat juga mengharamkannya.

Selain mendustakan Nabi (S.A.W) juga membuat

filem Nabi Muhammad (S.A.W) itu boleh membawa kepada penghinaan

terhadap agama. Dan manakala ada sesuatu perkara yang boleh membawa penghinaan terhadap agama, boleh pula membawa kepada kufur. Maka wajiblah setiap kaum Muslimin menentang dan mengingkarkannya. Jika cuai, tertanggunglah dosanya ke atas seluruh umat Islam yang mengetahuinya.

\* \* \*

(2) Sembahyang Jumaat yang diimamkan oleh seorang yang pekak sahaja – tidak pula dianya itu bisu – hukumannya sah jika cukup syarat-syarat dan rukun-rukun yang dikehendaki di dalam menunaikan sembahyang tersebut dari awalnya hingga akhirnya.

\* \* \*

(3) Abu Jahl sememangnya salah seorang kepala penentang Islam di zaman Nabi (S.A.W) dan dia telah terbunuh dalam peperangan Badar pada tahun yang kedua selepas Hijrah. Dia bukanlah bapa saudara kepada Nabi (S.A.W).

Adapun bapa saudara Nabi (S.A.W) yang juga menjadi penentang Islam, bernama ‘Abd al-‘Uzzā bin ‘Abd al-Muṭalib yang digelar dengan “Abu Lahab”.

Sudah Siap:

**PERSURATAN MELAYU III**

**\$7.00 sa-naskhah**

Penerbitan Qalam:

---

---

**Bacalah!**

# Isteri-isteri Nabi

Dipersesuaikan oleh: Ummun Muhsin daripada kitab

*Nisa' al-Nabī* karangan **Dr. Bint al-Shati.**

Sebuah buku yang menggambarkan dengan sejelajelasnya rumah tangga Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* yang menjadi ikutan dan contoh utama bagi umat Islam seluruhnya.



Sebuah buku yang sangat penting dibaca, terutama oleh wanita-wanita Islam.

Tebalnya 242 muka dan harganya \$2.50 sahaja

Tambah belanja mengirimmnya 20 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

**Qalam**

356/8, Geylang Road,

Singapura, 14.